

DATE: 21/03/2000

# Peranan mufti atau kuasa raja?

**R**ENCANA dalam *Mingguan Malaysia* kelmarin (19 Mac, 2000) mengenai tajuk, 'Raja-Raja Melayu buat Apa?' sungguh menarik perhatian saya.

Saya ingin memberi sedikit pendapat mengenai perkara yang ditimbulkan dalam rencana itu.

Saya rasa inilah masanya bagi raja-raja Melayu menunjukkan kuasanya yang didakwa ramai, sudah terhapus selepas krisis perlembagaan pada tahun 1980-an dulu. Ini bukannya masa untuk berdiam diri kerana ia mensabitkan soal kelangsungan hidup (survival) orang Islam di Malaysia.

Kita tahu raja-raja Melayu mempunyai kuasa mutlak terhadap hal-hal agama Islam di negeri masing-masing. Bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai raja, kuasanya diturunkan kepada Yang Dipertua Negeri oleh Yang di-Pertuan Agong.

Saya perhatikan akhir-akhir ini orang Islam di Malaysia semakin berpecah-belah dan ia semakin tenat jika ia tidak ditangani segera.

Daripada pengamatan saya, saya berpendapat perpecahan orang Islam di negara kita bukanlah kerana politik tetapi kerana penyelewengan agama Islam untuk tujuan politik.

Politik memang sudah wujud di tanah air kita

## Pendapat

sejak sebelum merdeka lagi dan pada masa itu masyarakat Islam kita tidak berpecah-belah walaupun berlainan pendapat dan prinsip pegangan siasahnya.

Masyarakat Islam mula berpecah apabila agama Islam dijadikan simbol dan alat atau cara untuk memenangi hati dan minda rakyat bagi meraih sokongan dan undi mereka semasa pilihan raya umum.

Semasa inilah ayat-ayat al-Quran dipilih-pilih dan disalahgunakan untuk menunjukkan 'kebenaran' hujah-hujah atau perjuangan politik parti.

Tafsiran al-Quran dan 'fatwa-fatwa' agama dikeluarkan dengan sesuka hati oleh pemimpin-pemimpin politik yang mendakwa diri mereka ulama ataupun kelihatan begitu alim.

Akibatnya masyarakat Islam kita menjadi celaru dan keliru dengan ajaran-ajaran agama yang baru ini hingga timbullah peristiwa-peristiwa meng-kafirkan sesama orang Islam, sembahyang dua imam, tidak boleh makan sembelihan orang lain

yang tidak daripada fahaman politik yang sama, jenazah dikuburkan berasingan kerana fahaman politik yang berbeza dan sebagainya.

Kita dapati kini akidah sebahagian orang Islam di negara kita sudah menyimpang jauh daripada asal dan ini amat berbahaya kepada keutuhan umat Islam di Malaysia yang jumlahnya tidaklah besar sangat.

Sepanjang perkembangan ini kita dapati tidak ada sedikit pun reaksi daripada raja-raja Melayu terhadap masalah ini walaupun soal agama Islam memang jelas di bawah tanggungjawab raja-raja sepenuhnya.

Kalau adapun teguran dibuat oleh raja-raja, ia dibuat secara umum terutama semasa membuka Mesyuarat Dewan-Dewan Undangan Negeri, Dewan Rakyat, perasmian masjid baru, menyambut Maal Hijrah dan sebagainya.

Tetapi reaksi secara spesifik seperti terhadap soal kafir-mengkafir, Tuhan mencarut dan sebagainya, daripada raja-raja melalui Majlis mereka memang tidak adapun setakat ini.

Kita tidak pasti siapakah yang hendak disalahkan... Raja-raja?... Atau penasihat-penasihat raja iaitu mufti-mufti?

Saya berharap raja-raja kita dapat melakukan sesuatu bagi membetulkan keadaan yang tenat ini. Raja-raja kita yang wujud dari negara yang mengamalkan demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan tidak perlu bimbang atau gentar kepada tuduhan atau tohmahan pihak-pihak berkepentingan jika raja-raja mengambil tindakan yang tegas bagi menangani isu ini.

Kita tahu selagi raja-raja tidak turun padang bermain politik mereka akan dihormati oleh rakyat jelata dan segala keputusan yang diambil berdasarkan kebenaran agama Islam akan pasti mendapat sokongan umat Islam di negara ini.

Oleh itu, lakukan apa yang patut dilakukan demi umat Islam dan agama Islam di negara kita.

Kalau kita perlu pisahkan aktiviti agama daripada politik, lakukan. Dan kalau kita mahu nama Islam tidak dipakai pada nama parti siasah... lakukan! Asalkan kita umat Islam di Malaysia dapat hidup aman damai dan bersatu padu. — SM. IBRAHIM, Bukit Damansara, Kuala Lumpur.

Kirim pendapat anda melalui faks 03-2239854  
atau [pendapat@utusan.com.my](mailto:pendapat@utusan.com.my)